

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 20 RABU 17 MEI, 1967 1387 رابو 7 مفر PERCHUMA

Pengarah D.B.P. ucap terima kaseh kapada Universiti Malaya

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh atas khidmat dan bantuan kerjasama yang di-berikan oleh pihak Universiti Malaya atas usaha2 hendak menerbitkan Buku Ilmu Alam Negeri Brunei.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil dalam ucapan khas-nya melalui Radio Brunei pada malam 13 Mei, 1967 telah menisfatkan bantuan kerjasama itu sa-bagai satu khidmat yang besar terhadap pembangunan masyarakat dan negara kita, ia-itu Brunei.

Dato Paduka Awang Haji Jamil menegaskan bahawa budi baik pegawai2 dan penuntut2 Universiti Malaya itu telah di-tunjukkan dengan kerja2 penyelidikan yang bersungguh2 dengan tidak menghiraukan penat-lelah dan bahaya yang mungkin di-tempoh mereka semasa menjalankan penyelidikan di-kampung2 pendalaman.

Dalam masa tiga bulan yang lalu, penuntut2 Universiti Malaya tersebut di-datangkan ka-negeri ini oleh Kerajaan untuk di-tugaskan kerja2 menyelidik dan mengkaji Hal-ehwal yang bersangkutan dengan Ilmu Alam Brunei untuk di-jadikan buku. Rombongan penuntut2 itu telah pun balek ka-Malaya pada 7 Mei yang lalu, kata beliau.

Sa-terus-nya, Dato Paduka Awg. Haji Jamil menyatakan bahawa sa-panjang mereka menjalankan penyelidikan itu, baik yang di-kampung2 pendalaman, mereka ada-lah di-alu2kan oleh penduduk2 negeri ini di-samping bekerjasama dengan erat-nya.

Dengan demikian, tegas beliau, segala butir2 penyelidikan yang di-kehendaki itu boleh-lah di-katakan hampir2 semua-nya di-dapati dengan lancar dan mudah.

Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil yakin bahawa dengan sifat kerjasama yang di-tunjukkan itu, maka dapat-lah di-ketahui bahawa rakyat negeri ini telah menyedari akan tanggung jawab mereka terhadap kemajuan bangsa dan negara mereka sendiri.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norain



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof

ISTIADAT Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof akan di-langsungkan pada hari Juma'at 18 Ogos, 1967. Istiadat Jaga2 akan di-mula-

kan di-Istana Darul Hana pada hari Ithnin 31 Julai, 1967.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norain ia-lah Puteri kedua kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan. Sir Omar Ali Sai-

fuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri. Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof ia-lah anakanda kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Bini.

MAJLIS BELIA² DAERAH BRUNEI DAN MUARA DI-TUBOHKAN

KAMPONG SI-RAJA MU-DA.— Para perwakilan dari Persatuan² Belia di-Daerah Brunei dan Muara telah bersejua menubuhkan Majlis Belia² Daerah Brunei dan Muara sa-lepas di-adakan satu perbahathan yang hebat dalam satu persidangan di-Dewan Rumah Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei, Kampung Si-Raja Muda, Kampung Ayer pada pagi hari Juma'at 12 Mei, 1967.

Beberapa orang Ahli² Jawatan Kuasa Tertinggi, Majlis Belia² Negeri Brunei telah hadir dalam persidangan tersebut. Belia² itu ia-lah Yang Di-pertua Agong M.B.B., Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar; Timbalan Yang Di-pertua Agong M.B.B. Awang Suni bin Haji Idris dan Bendahari Agong M.B.B. Awang Ahmad bin Kadi.

Pengelola Persatuan² Belia Negeri Brunei, Awang Zulkifli bin Haji Abdullah telah juga hadir dalam persidangan tersebut Belia² juga telah berucap di-majlis itu.

Awang Suni bin Haji Idris telah memimpin majlis tersebut sa-hingga masa di-lantek Ahli² Jawatan Kuasa Tertinggi Majlis Belia² Daerah Brunei dan Muara.

Sa-ramai empat puluh orang wakil² dari dua puluh satu buah Persatuan² Belia di-Daerah Brunei dan Muara telah hadir dalam persidangan itu.

Ahli² Jawatan Kuasa Tertinggi M.B.B. Daerah Brunei dan Muara yang telah di-lantek dalam persidangan tersebut ada-lah saperti berikut:

NAIB YANG DI-PERTUA: Awang Puasa bin Tudin (Persatuan Belia Sengkurong). TIMBALAN NAIB YANG DI-PERTUA: Awang Haji Md. Tarip bin Pehin Seri Wangsa Awang Haji Mohamed (Persatuan PIKAP).

SETIA USAHA AGONG: Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamed Daud (Persatuan PATUH). Pengerusi TETAP: Awang Mohd. Ali bin Mohd. Yusof (Persatuan 3PKA). BENDAHARI AGONG: Awang Md. Yusof bin Mohamed (Persatuan PERKASA).

Ahli² Jawatan Kuasa Tad-bir Daerah yang telah di-lantek oleh Ahli² Jawatan Kuasa Tertinggi tersebut ada-lah saperti berikut:

TIMBALAN SETIA USAHA AGONG: Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit (Persatuan INSAP).

PENOLONG SETIA USAHA: Awang Abidin bin Md. Zain (Persatuan PERKA).

KETUA SEKSI EKONOMI: Awang Tahir Ibrahim (Persatuan Pemuda Pemuda Kampung Kiulap). KETUA SEKSI PERGERAKAN WANITA: Dayang Marhani binte Abdul Latif (Pertubuhan Perumpulan Perempuan). KETUA SEKSI PENDIDIKAN: Awang Harun bin Dato Seri Laila Abdul Samad (Persatuan TIBA).

KETUA SEKSI SOSIAL:

Awang Ismail bin Apang (Persatuan PAPP) KETUA SEKSI UGAMA: Ustadz Ibrahim Jama' (Persatuan PKMS). KETUA SEKSI KEBUDAYAAN DAN KESANIAN: Awang Salleh Latif (Persatuan Belia Bandar Brunei).

KETUA SEKSI SOKAN DAN OLAHRAGA: Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong (Persatuan Belia Sumbiling). KETUA SEKSI PENERANGAN: Awang Morshidi bin Haji Md. Salleh (Persatuan Pemuda Pemuda

Sungai Kedayan).

Sa-ramai dua orang dari tiap² Persatuan Belia di-Daerah Brunei dan Muara akan di lantek menjadi Ahli² Jawatan Kuasa Wakil² Persatuan yang terlantek dalam Majlis Penu-buhan Majlis Belia² Daerah Brunei dan Muara hanya boleh menghantar sa-orang sahaja wakil-nya menjadi Ahli Jawatan Kuasa. Demikian menurut Setia Usaha Agong M.B.B. Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud.

KEPUTUSAN PEPEREKSaan KURSUS PERGURUAN UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Kursus Perguruan Agama yang di-mulakan pada 21 Mei, 1966 dibawah anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei telah menamatkan pengajian peserta²nya bagi tahun pelajaran 1966/1967 dengan mengadakan Peperiksaan Akhir mulai pada 25 Mach, 1967 hingga 3 April, 1967 dan menjalani latihan mengajar sa-lama tiga minggu mulai pada 8 April, 1967.

Surat Keliling Jabatan Pelajaran mengenai permainan "Karate" di-Sekolah²

BANDAR BRUNEI. — Pada masa ini ada di-dapati sekolah² di-negeri ini telah mengajar murid²nya dalam permainan "Karate" di-masokkan dalam pelajaran Latihan Jasmani.

Memandang keadaan permainan ini, ada-lah sangat² merbahaya dan tidak sesuai menjadi pelajaran k a p a d a murid² di-dalam sekolah.

Oleh yang demikian dengan ada-nya Siaran Keliling ini, mana² sekolah yang telah menjalankan pelajaran ini hendaklah di-berhentikan.

Segala pelajaran yang baharu yang akan di-adakan di-sekolah² hendaklah terlebih dahulu di-kemukakan kepada Pegawai² yang berkenaan di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Pelajaran² yang di-benarkan di-ajarkan di-sekolah² selain daripada dalam Buku² Pelajaran Senaman saperti berikut:

1. Panchak Silat dan Kuntau Melayu; 2. Tari²an Melayu, "Folk Dance" dan lain²nya; 3. Gymnastik dan sumpama-nya.

Demikian menurut Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei, yang di-tanda tangani oleh Pengarah Pelajaran, Brunei, Dato M. MacInnes bertarikh 11 Mei, 1967.

Sa-ramai 49 orang Guru² Agama telah menjalani kursus tersebut. Hasil daripada peperiksaan itu sa-ramai 42 orang telah lulus dan 7 orang tidak lulus.

Guru² Agama yang lulus dalam peperiksaan tersebut dan di-akui sa-bagai "Guru² Agama Terlatih" ada-lah saperti di-bawah ini: —

1. Awang Metusin bin Timbang; 2. Junid b. Penyurat Pali; 3. Haji Abdullah b. Lakim; 4. Morshidi b. Abdullah; 5. Kasim b. Osman; 6. Awg. Ahmad b. Abd. Rahman.

7. Zainal b. Abd. Kahar; 8. Siti Azizah bte. Nawi; 9. Ahmad b. Abd. Razak; 10. Masura bte. Abidin; 11. Awg. Tahir b. Awg. Ja'afar; 12. Dk. Salmah bte. Pgn. Ismail.

13. Ak. Muhammad b. Pgn. Md. Salleh; 14. Malai Hamidah bte. S. Nekman; 15. Awg. Bungsu b. Pudun; 16. Abd. Hamid b. Haji Perali; 17. Abd. Lahai b. Lakim; 18. Haji Awg. Tengah b. Sulaiman.

19. Md. Noor b. Khatam; 20. Haji Abd. Rahman b. Awg. Hassan; 21. Mohidin b. Ghani;

22. Johari b. Khamis; 23. Pg. Sharifuddin b. Pg. Sulaiman; 24. Zubaidi b. Haji Md. Yassin.

25. Pg. Shahbuddin b. Pg. Omarali; 26. Pg. Ismail b. Pg. Sulaiman; 27. Pg. Md. Yusof b. Pg. Sabtu; 28. Dy. Norhani bte. Aspar; 29. Awg. Omar b. Haji Ismail; 30. Awg. Ahmad b. Haji Mohaidin.

31. Awg. Ibrahim b. Haji Ismail; 32. Zaliha bte. Haji Mohammad; 33. Mohd. Daud b. Abd. Momin; 34. Mohd. Ali b. Mohiddin; 35. Awg. Jambol b. Awang Daud; 36. Md. Yassin b. Abd. Rahman.

37. Pg. Aliuddin b. Pg. Omarali; 38. Zahara bte. Ramlie; 39. Md. Yusof b. Shahbuddin; 40. Dy. Ayahani bte. Suhaili; 41. A. Hamid b. Talipudin; 42. Abd. Hamid b. Awg. Md. Sahat.

KURSUS BARU

Sementara itu menurut Ketua Guru, Kursus Perguruan Agama, Yang Mulia Awg. Haji Md. Zain Haji Serudin, Kursus Perguruan Agama bagi peserta² baru tahun pelajaran 1967/1968 akan di-mulakan pada 20 Mei, 1967.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Mei, 1967 hingga ka-hari Selasa 23 Mei, 1967 ada lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
18 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
19 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
20 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
21 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
22 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
23 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.


Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.




Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G.V. de Freitas (bilangan ketiga dari kanan) dan beberapa orang Pegawai dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei baru2 ini telah melawat ka-bangunan baru jabatan tersebut yang hampir siap di-bena di-Bandar Brunei. Gambar ini di-ambil pada masa lawatan itu.

Gambar ini di-ambil di-tingkat atas sekali bangunan baru Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei pada masa lawatan Pengarah P.P.B. dan lain2-nya ka-bangunan baru jabatan itu. Dalam gambar ini antara-nya kelihatan Awang R.M. Cobban, akitek dari Sharikat James Cubitt dan Rakan2-nya (kiri sa-kali) sedang berchakap dengan Pengarah P.P.B. Awang G.V. de Freitas. Di-sabelah Awang Freitas ia-lah Ketua Jurutera Jabatan P.P.B. Awang N.J.A. Frigout.

Bangunan2 baru Jabatan Penyiaran & Penerangan Brunei dan Jabatan Dewan Bahasa & Pustaka Brunei




Pemandangan bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei yang hampir siap di-bena di-Jalan Stoney, Bandar Brunei. Pembukaan rasmi jabatan ini akan di-laksanakan pada penghujung bulan September tahun ini. Di-sa-belah kiri dalam gambar ini ia-lah bangunan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Bangunan2 tersebut ia-lah di-antara bangunan2 yang tinggi sekali di-Negeri Brunei pada masa ini.



LATEHAN MENEMBAK

BERAKAS — Platoon Mortar, Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menjalankan satu latehan menembak dalam kawasan Tanjong Punyit dan Pu'au Punyit, Timor Laut Jerudong dengan menggunakan 81 m.m. peluru meriam katak pada hari Khamis 25 Mei, 1967 di-antara jam 9-00 pagi dan 12-00 tengah hari.

Orang ramai ada-lah diminta menjauhkan diri daripada kawasan tersebut pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan itu.



Satu pemandangan bangunan baru Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang hampir siap pembenaan-nya di-Jalan Elizabeth II, Bandar Brunei.

Pembukaan Rasmi Kursus Guru2 Besar Sa-Negeri Brunei

SENGKURONG.— Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awg. Noordin bin Abdul Latiff telah merasmikan pembukaan Kursus Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Sengkurong pada pagi hari Ithnin 1 Mei, 1967.

Kursus tersebut di-mulai pada hari tersebut dan berakhir pada 5 Mei, 1967 dengan di-hadhiri oleh sa-ra-mai 32 orang Guru2 Besar yang mulai menyandang jawatan itu pada awal tahun ini dan juga Guru2 Besar yang tidak dapat menghadiri Kursus sa-demikian pada tahun lalu.

Awang Noordin berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa mengapakah dan apakah tujuan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei mengadakan kursus tersebut, pada hal Guru2 Besar itu ada-lah sedang dalam percutian Penggal Persekolahan dan sudah tentu akan mengganggu dan membuang masa mereka untuk berehat atau melawat ka-luar negeri.

"Tetapi apa yang di-fikirkan oleh Jabatan Pelajaran ia-lah berkehendakkan Che'gu2 supaya lebeh2 faham lagi dalam hal mentadbirkan sekolah dengan kaedah2 yang tertentu dan untuk kebaikan kepada Che'gu masing2", kata Awg. Noordin.

Sa-lanjut-nya beliau berkata: "Saya perchaya kepada Guru2 yang mahukan kemajuan diri-nya akan berasa rugi kalau peluang serupa ini tidak di-indahkan kerana kursus ini bukan-lah mesti di-adakan pada sa-tiap Penggal Persekolahan atau sa-tiap tahun, melainkan jika ada sesuatu yang di-fikirkan



Yang Berhormat
Dato Paduka Awang
Haji Md. Jamil.

Gambar kulit hada-
pan majallah BERI-
GA yang di-terbit-
kan oleh Dewan
Bahasa dan Pustaka
Brunei.

"BERIGA": SATU LAGI LANGKAH DBP MELUASKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU

DALAM usaha mengembang luaskan penggunaan Bahasa Melayu dan membok-
tikan-nya sa-bagai bahasa yang dapat di-jadikan saloran pengantar ilmu pengeta-
huan, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei munchul lagi dengan sa-buah majallah
penerbitan-nya "Beriga".

Majallah yang di-terbitkan tiga bulanan ini ada-lah mengandongi renchana2
ilmu pengetahuan yang di-tulis oleh para chandikiawan dunia yang menggunakan
bahasa penulisan masing2 dan di-terjemahkan ka-dalam Bahasa Melayu untok di-
muat ka-churong Beriga.

Dalam kata pengantar-nya Pengarah Dewan
Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil berkata
bahawa suatu bahasa bagaimana pun bagus-nya
tidak ada manfa'at-nya dalam zaman moden ini
kalau ia tidak dapat di-gunakan sa-chara meluas
termasuk ilmu pengetahuan.

Beliau menekankan bahawa bahasa moden
sekarang harus bersifat dinamik, dapat menerima
dan mensesuaian diri-nya dengan pergolakan
alam keliling-nya. "Sharat ini juga berlaku bagi
bahasa Melayu".

"Bahasa Melayu dalam keadaan-nya sekarang
boleh-lah di-katakan tergolong dalam kategori
bahasa yang moden itu. Susunan morfologi dan
sintaksis-nya tidak kaku dan dapat di-ketengahkan
ka-dalam zaman ilmu pengetahuan dan teknologi
moden". Demikian Dato Paduka Awang Haji
Md. Jamil menegaskan.

Beliau selanjut-nya berkata,
dengan lahir-nya majallah Beriga
ini kita sama2 dapat menyaksikan
bagaimana bahasa Melayu
itu bergerak dalam zaman yang
sifat-nya serba chepat dan kom-
pleks ini.

Sa-bahagian besar renchana2
yang termuat dalam majallah
ini asal-nya tertulis dalam ba-
hasa2 asing, bahasa2 moden di-
dunia sekarang. Petugas2 yang
melahirkan majallah ini telah
menterjemahkan renchana2 ter-
sebut ka-dalam bahasa Melayu
supaya ilmu pengetahuan yang
tersimpan dalam bahasa2 asing
itu dapat di-ketahui oleh pem-
baca2 yang tidak berkemam-
puan membaca dalam bahasa2
asing tersebut.

Dato Paduka Awang Haji
Md. Jamil menjelaskan bahawa
munchul-nya majallah Beriga
itu akan menchapai tiga tujuan
pokok:


Pertama: Untok memperluas
daerah-nya bergerak bahasa
Melayu.

Kedua: Untok memboktikan
bahawa bahasa Melayu dapat
di-jadikan saloran pengantar
ilmu pengetahuan moden;
dan

Ketiga: Dapat di-jadikan alat
penyibar ilmu pengetahuan
moden dengan bahasa peng-
antar-nya bahasa Melayu.

"Sa-moga-lah majallah Beriga
ini akan berberiga terus de-
ngan tujuan2-nya itu dan men-
dapat keredhaan dari Tohan
Yang Maha Esa". Demikian
harapan Pengarah Dewan Ba-
hasa dan Pustaka, Brunei.

LIHAT MUKA 5



Pembukaan Rasmi Kursus Guru2 Besar Sa-Negeri Brunei

DARI MUKA 3

oleh Jabatan Pelajaran mustahak
mengadakan-nya".

Awang Noordin menerangkan
bahawa tujuan utama Jabatan Pe-
lajaran mengadakan kursus tersebut
ada-lah sa-mata2 hendak memberi
peluang kepada Guru2 Besar itu
supaya membaharui, mempelajari,
mendengar dan menchatetkan bebe-
rapa perkara yang mustahak di-
dalam segi pentadbiran Guru2
Besar terhadap sekolah dan per-
sekolahan yang di-sharahkan oleh
pensharah2 yang sengahja di-pilih
oleh Jabatan Pelajaran dari Pega-
wai2-nya sahaja.

Jabatan Pelajaran memang me-
nyedari kebanyakan Guru2 Besar
yang baharu di-lantek perlu di-
pimpin dan di-pandu pada menja-
lankan pentadbiran sekolah supaya
perjalanan persekolahan akan lebeh
lichin dan terator.

Oleh yang demikian Awg. Noor-
din sangat2 berharap supaya Guru2
Besar yang berkenaan itu akan
dapat menchatetkan sedikit sa-
banyak isi2 sharahkan yang akan
mereka terima dari pensharah2
yang berpengalaman hal2 pentad-
biran persekolahan dalam bahagian
masing2 untok panduan pada men-
jalankan kewajipan mereka sa-bagai
Guru Besar.

Sa-terus-nya Awg. Noordin ber-
kata: "Sa-lain dari itu, patut juga
saya menerangkan kepada Che'gu2

sekalian, ia-itu mulai pada tahun
ini, pehak Jabatan Perubatan Bru-
nei telah pun menyediakan dua
orang Doktor khas bagi mengawasi
kesihatan murid2 dan kebersehan
sekolah2 di-negeri ini. Sa-orang
daripada-nya sudah pun bertugas
melawat sekolah2.

Saya sangat berharap kepada
Che'gu2 sekalian akan memberi
kerjasama dan layanan serta per-
tolongan2 yang sa-wajar-nya ka-
pada Doktor itu kelak bila ia
melawat sekolah Che'gu supaya
kerja2 yang berhubung dengan ke-

sehatan murid2 dan guru2 sekolah
dapat berjalan dengan sempurna."

Beliau telah menguchapkan sa-
tinggi2 terima kaseh kepada Pe-
gawai2 yang bertugas pada men-
jalankan kursus tersebut, terutama
kapada Guru Besar Sekolah Melayu
Sengkuring Che'gu Awang Besar
bin Serudin yang telah bekerja
keras menyediakan serba serbi
keperluan yang di-kehendaki dalam
kursus tersebut dan berdo'a sa-moga
kursus itu akan berjalan dengan
lancar dan memperoleh kejayaan
hingga akhir-nya.

GERAKAN MEMBERSEH PANTAI PERANGINAN MUARA

**GERAKAN Membersehh Pantai
Peranginan Muara** yang di-
anjarkan oleh Kelab Rotary
Bandar Brunei dengan kerjasama
oleh Pegawai2 dan ahli2 Persa-
tuan2 Belia di-Negeri Brunei,
Pengakap2, Pandu2 Puteri, ahli2
Bomba, pekerja2 dari Jabatan
Elektrik, Jabatan Bandar dan
lain2-nya telah di-laksanakan
pada pagi hari Ahad 14 Mei,
1967 dengan memperoleh keja-
yaan.

Sa-lain dari itu, ramai juga
Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-
Raja Negeri Brunei dan Daerah
serta orang2 yang pergi berkelah
di-pantai peranginan tersebut
dan penduduk2 Pekan Muara
telah bekerjasama sa-chara ber-
gotong royong membersehh pantai
Muara itu.

Yang Dipertua Kelab Rotary
Bandar Brunei, Awang G. V. de

Freitas dan Pengerusi Jawatan
Kuasa Perkhidmatan Mashara-
kat kelab itu, Awg. Abdul Ghani
bin Jamil bagi pehak Kelab
Rotary Bandar Brunei meng-
uchapkan berbanyak2 terima
kaseh kepada semua lapisan ma-
sharakat, khas-nya pembesar2
negara dan belia2 yang telah
memboktikan "Semangat Sibik"
yang begitu tinggi itu pada
masa di-jalankan Gerakan Mem-
bersehh Pantai Muara pada pagi
hari Ahad yang lalu, ia-itu satu
hari yang akan menjadi kenang2-
an kapada semua pehak yang
berkenaan itu.

Kini, Gerakan Membersehh
Pantai Peranginan Muara itu
telah pun di-laksanakan dengan
jaya-nya. Dan dengan itu, ada-
lah di-harapkan lebeh ramai lagi
penduduk2 negeri ini dan para
pelawat akan pergi berkelah di-
Pantai Peranginan Muara yang
indah itu.

Hari Jadi A.M.D.B. Kelepasan Awam di-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI — Duli Yang
Teramat Mulia Seri Paduka Timba-
lan Sultan dalam Majlis Mashuarat
telah mengishtiharkan bahawa Hari
Ulang Tahun Askar Melayu Di-
Raja Brunei, ia-itu hari Rabu 31
Mei, 1967 ia-lah Hari Kelepasan
Awam di-dalam Negeri Brunei.



Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas tamat Kursus Guru2 Besar Sa-Negeri Brunei di-Sekolah Melayu Sengkurong pada petang 4 Mei, 1967. Dudok di-tengah ia-lah Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latif yang telah merasmikan pembukaan kursus tersebut pada 1 Mei, 1967.

Buku Ilmu Alam Negara sangat perlu kepada kita-kata Y.B. Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil telah memberi satu ucapan yang berharga melalui Radio Brunei pada 13 Mei, 1967 berhubung dengan penerbitan buku Ilmu Alam Brunei yang di-usahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dengan bantuan kerjasama oleh mahasiswa2 dari Universiti Malaya yang telah di-jemput oleh Kerajaan Brunei untuk menyelidiki dan mengkaji hal ehwal mengenai Ilmu Alam negeri ini untuk di-jadikan buku. Ucapan beliau dengan sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

Tiga bulan yang lalu saya pernah memberitahu kepada awang2 dan dayang2 sekalian melalui Radio Brunei ini, bahawa satu rombongan penuntut dari Universiti Malaya telah di-datangkan oleh pihak Kerajaan Brunei untuk menyelidiki dan mengkaji hal ehwal yang bersangkutan dengan Ilmu Alam Brunei untuk di-jadikan buku. Setelah mereka itu berada di-Brunei ini sa-lama tiga bulan menjalankan penyelidikan dan mengumpul bahan penyelidikan yang di-kehendaki itu, mereka telah balek ka-Malaya pada 7 Mei, 1967 ini.

Dalam masa mereka berada di-negeri ini, mereka telah pergi ka-kampung2, ka-jabatan2 kerajaan, ka-sharikat2 perniagaan, ka-pendalaman negeri ini dan beberapa tempat yang mustahak untuk mendapatkan bahan2 penyelidikan itu. Bagitu juga mereka telah menghadapkan berbagai2 soalan kepada awang2 dan dayang2 untuk mendapatkan ma'lumat2 yang di-kehendaki itu. Menurut apa yang telah di-beritahu oleh mereka kepada saya bahawa sa-panjang penyelidikan itu mereka telah di-sambut dengan baik dan tulus ikhlas oleh penduduk2 negeri ini terutama penduduk2 di-kampung2 dan pendalaman.

Boleh kata, mereka sentiasa mendapat bantuan kerjasama yang erat dari penduduk2 itu. Dengan demikian segala2 butir2 penyelidikan yang di-kehendaki itu boleh dikatakan hampir2 semua-nya di-dapati dengan lancar dan mudah.

Berita yang baik ini sangat2 menyenangkan hati saya dan di-sini dapat-lah kita ketahui bahawa ra'ayat negeri ini telah menyedari akan tanggungjawab mereka terha-

dap kemajuan bangsa dan negara mereka sendiri. Dan juga mereka telah mengerti dan menyedari bahawa penyelidikan Ilmu Alam Brunei ini ada-lah sesuatu penyelidikan yang sangat besar faedahnya kepada pembangunan kemajuan negara Brunei ini, yang mana kemajuan itu akan dapat di-nekmati oleh mereka dan anak chuchu mereka kelak.

Di-atas bantuan dan kerjasama yang tulus ikhlas itu, saya sa-bagai Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Kerajaan meng-ucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada penduduk2 negeri ini yang telah memberi kerjasama dan bantuan itu, terutama kepada Ketua2 jabatan, Pegawai2 Daerah, Penghulu2, Ketua2 Kampung, Pegawai2 kerajaan, Sharikat2 perniagaan dan sekalian yang memberi bantuan untuk menjayakan projek yang sangat berharga ini.

Perlu juga saya nyatakan di-sini bahawa penyelidikan dan kajian ini di-buat ada-lah semata2 untuk mengadakan buku Ilmu Alam Brunei yang mana buku sa-demikian sangat perlu kepada kita untuk mendapatkan ma'lumat dan ilmu pengetahuan yang bersangkutan dengan negara kita sendiri.

Perkara ini saya telah sebutkan berkali2 bahawa Ilmu Alam Brunei ada-lah sangat perlu kepada kita terutama kepada ra'ayat negeri ini, kerana dengan mengenal dan mengetahui Alam Negara kita itu kita akan dapat merancang, memikirkan dan mengusahakan, sesuatu yang kita kehendaki untuk negara kita dengan berbandukan keadaan yang sa-benar-nya. Mithal-nya kita telah ketahui bahawa penduduk negeri ini bertaburan di-merata2 tempat dan dari satu tempat ka-satu tempat itu berkehendakkan perhubungan, sudah tentu akan datang satu fikiran kepada kita bagaimana hendak mengadakan perhubungan dengan mereka itu dan bagaimana pula hendak membuat-nya.

Untuk melaksanakan-nya sudah tentu memerlukan ma'lumat2 bagaimana chara membuat Jalan Raya ka-sana, bagaimana keadaan tanah di-sana, sama ada sesuai untuk menempatkan Jalan raya atau tidak, dan jika sesuai berapa pula perbelanjaan di-kehendaki. Kemudian di-kira pula bagaimana hasil yang akan di-dapati dari perhubungan jalan yang akan di-buat itu. Maka semua ma'lumat2 dan pengetahuan yang di-kehendaki itu ada-lah di-dapati dari Ilmu Alam.

Bagitu juga dalam hal pembangunan yang lain sa-umpama kita hendak mengadakan sesuatu pembangunan bagi sesuatu tempat sudah tentu kita kaji berapa ramai

penduduk2 itu dan apa yang di-perlukan oleh mereka supaya tempat yang hendak di-bangunkan itu mendapat faedah dari rancangan itu. Jika perkara2 yang di-perlukan itu telah di-ketahui di-atorkan pula kedudukan benda2 yang hendak di-buat itu menurut kedudukan yang sesuai. Apa-kah Ilmu yang kita gunakan untuk menentukan sama ada kedudukan sesuatu itu sesuai atau tidak? Jawab-nya ia-lah Ilmu Alam. Jika kita tahu akan Ilmu Alam tempat itu maka dengan senang ilmu itu akan mendorong kita menyusun chadangan itu.

Sebab itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda berusaha mengadakan buku Ilmu Alam Brunei ini supaya tiap2 ra'ayat dan penduduk negeri ini dapat memberi bantuan kepada Kerajaan untuk menjayakan pembangunan negeri ini.

Sa-makin banyak ra'ayat dan penduduk negeri ini tahu akan jalan2 untuk membangunkan kemajuan negeri ini, maka sa-makin chepat-lah kemajuan itu di-chapai. Dan sa-makin mendalam pengetahuan Ilmu Alam Brunei itu di-ketahui oleh ra'ayat sa-makin banyak pula rancangan dan usaha untuk pembangunan akan di-jalankan.

Sa-balek-nya jika ra'ayat tidak mengetahui akan keadaan alam negeri-nya sudah tentu pembangunan terhadap negeri kita ini tidak akan dapat di-jalankan dengan chepat kerana orang2 yang memikirkan dan menchari usaha dan ikhtiar untuk melaksanakan-nya itu sedikit sangat bilangannya.

Memang tidak dapat di-nafikan bahawa dalam pembangunan kemajuan negara kerjasama dan bantuan seluroh ra'ayat negeri ini sangat di-perlukan akan tetapi bantuan dan kerjasama itu tidak dapat diberikan dengan sa-penoh-nya menurut kehendak2 yang di-perlukan jika ra'ayat dan penduduk negeri ini tidak mengetahui selok belok Ilmu Alam negeri ini dengan sadalam2-nya sa-bagaimana yang di-perlukan itu. Dan bagaimana pula ra'ayat dan penduduk negeri ini hendak mendapatkan pengetahuan Ilmu Alam Brunei yang di-perlukan itu jika tidak ada buku-nya yang menjadi rujukan ma'lumat2 itu.

Dengan sebab itu Kerajaan telah menyedari kedudukan masa'alih ini dan telah menjalankan usaha ini sa-berapa dapat yang boleh supaya kerjasama dari ra'ayat dan penduduk negeri ini dalam hal pembangunan kemajuan negara akan dapat di-hasilkan dengan sa-penoh2-nya. Tegass-nya sa-makin ramai bilangan ra'ayat dan penduduk ne-

LIHAT MUKA 8

'BERIGA':

Satu lagi langkah DBP meluaskan penggunaan Bahasa Melayu

DARI MUKA 4

Apabila majalah "Beriga" ini sampai ka-tangan pembaca, mungkin akan timbul satu keraguan dan kurang faham tentang pengertian "Beriga".

Mengenai pengertian ini, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menekankan bahawa dalam zaman yang lampau pengumuman2 atau pengishti-haran2 Kerajaan (kebanyakannya di-keluarkan dari Istana Sultan) di-buat sa-chara sharahan dari kampung ka-kampung oleh sa-orang pegawai Istana yang bergelar Damong dan Pateh. Sa-belum sharahan itu di-mulakan, maka terlebih dahulu gong di-palu sa-bagai isyarat bagi menarek perhatian orang.

"Maka chara bagitu termeteri-lah di-kenali orang sa-bagai satu "beriga" atau perkhabaran atau pun pengumuman".

Pengertian ini di-kuatkan lagi apabila perchakapan dari sa-orang ka-saorang bilamana mendengar gong itu di-palu, maka berkata-lah mereka: "Damong dan Pateh akan berberiga".

Pun perkataan "beriga" itu maseh di-gunakan oleh sa-tengah2 orang2 kita dewasa ini, terutama sa-kali di-kalangan orang2 tua saperti kata mereka dalam lenggang lengkok tuturan Brunei: "Babariga saja 'kan naik aji atu — inda jua sampai2-nya", dan "Patut jua si-anu atu babariga — musoh-nya sudah inda ada".

Dengan ini faham-lah kita bahawa pengertian "beriga" itu ialah pengumuman, perkhabaran, di-chakap2kan, laungan, di-ishti-harkan (di-berigakan) dan sa-umpamanya.

Renchana2 yang terkandung dalam majalah tersebut ada-lah mengandungi renchana2 ilmu pengetahuan, pembangunan dan perekonomian, peristewia2 politik dunia, Ugama dan falsafah, sastera dan kebudayaan dan rampaian.

Sa-lain dari renchana2 luar, renchana2 yang di-tulis oleh pakar2 yang berkhidmat di-negeri ini telah juga di-siarikan saperti renchana2 "Alam Dalam Aquarium" oleh Dr. Elmar Birkenmeier, sa-orang pakar perikanan bangsa Austria yang sekarang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-bagai Pegawai Perikanan dan "Malaria dan Projek Penghapusan Malaria di-Brunei" oleh Dr. M. Miyairi sa-orang pakar kesihatan dari Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia (WHO) dan sekarang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-bagai Penasihat Kanan Projek Penghapusan Malaria.

Majalah Beriga mengandungi 144 muka, berkelit tebal dan lichi berharga \$1.50 sen sa-buah dan akan mula di-jual dalam minggu hadapan.

Untuk menambahkan ilmu pengetahuan, pembaca harus memileki majalah yang bernilai "Beriga".

Perlawanan Bola Sepak Antara Pejabat2 Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei, Muara dan Tutong, atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei telah selesai di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kepada dua permainan, ia-itu sa-chara pukul keliling ("league system") dan sa-chara kalah mati ("knock out system").

Sa-banyak sembilan pasukan telah mengambil bahagian dalam Bahagian "A". Pasokan2 itu ia-lah Pelajaran; Jabatan Kerja Raya; Gabongan Tutong; Askar Melayu Di-Raja Brunei; Perubatan; Pertanian; Polis Di-Raja; Penyiaran dan Penerangan; dan Pentadbiran.

Keputusan perlawanan bola sepak tersebut yang telah di-adakan sa-chara pukul keliling ada-lah seperti berikut: —

KUMPULAN PERTAMA:

PELAJARAN: Menang 17 gol, kalah 0, mata kemenangan 4. JABATAN KERJA RAYA: Menang 10 gol, kalah 9 gol, mata kemenangan 2. GABONGAN TUTONG: Menang 2 gol, kalah 20 gol, mata kemenangan 0. JOHAN dalam Kumpulan Pertama — PASOKAN JABATAN PELAJARAN. KUMPULAN KEDUA.

ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI: Menang 10 gol, kalah 0, mata kemenangan 4. PERUBATAN: Menang 4 gol, kalah 5 gol, mata kemenangan 2. PERTANIAN: Menang 1 gol, kalah 9 gol, mata kemenangan 0. JOHAN dalam Kumpulan Kedua — PASOKAN ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI. KUMPULAN KETIGA.

POLIS DI-RAJA: Menang 12 gol, kalah 1 gol, mata kemenangan 4. PENYIARAN DAN PENERANGAN: Menang 1 gol, kalah 4 gol, mata kemenangan 2. PENTADBIRAN: Menang 0, kalah 8 gol, mata kemenangan 0. JOHAN dalam Kumpulan Ketiga — PASOKAN POLIS DI-RAJA BRUNEI.

Keputusan perlawanan bola sepak tersebut yang telah di-adakan sa-chara kalah mati ada-lah seperti berikut: —

Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Pelajaran dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-adakan pada 4 Mei, 1967. Keputusannya Pasokan Pelajaran telah mengalahkan Pasokan Askar Melayu Di-Raja dengan tujuh gol berbalas lima.

Pada 6 Mei, 1967 telah di-langsungkan Perlawanan Akhir antara Pasokan Polis Di-Raja Brunei dengan Pasokan Pelajaran. Keputusannya Pasokan Polis Di-Raja Brunei telah mengalahkan Pasokan Jabatan Pelajaran dengan tiga gol berbalas satu.

Maka dengan keputusan tersebut, selesai-lah Perlawanan

Bola Sepak Bahagian "A". Pasokan Polis Di-Raja Brunei telah menjadi Johan Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei Muara dan Tutong bagi tahun 1967 dan telah dua tahun berturut2 memegang Piala Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Mulia Awang Haji Serudin bin Abdullah. Pasokan yang menjadi Naib Johan dalam perlawanan tersebut ia-lah Pasokan Jabatan Pelajaran.

Hadiah rebutan dan Sijil2 Kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan Brunei kepada pasokan yang berjaya.

Sa-banyak 12 pasukan telah mengambil bahagian dalam Perlawanan Bola Sepak Bahagian "B" sa-chara pukul keliling antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei, Muara dan Tutong.

Pasokan2 tersebut ia-lah Gabongan Daerah, Imigresen dan Perpindahan; Askar Melayu Di-Raja Brunei; Bomba; Elektrik, Ugama; Penyiaran dan Penerangan; Pelajaran; Pos dan Talikom; Setor; Gabongan Tutong; Bandaran dan Jabatan Kerja Raya.

Keputusan perlawanan tersebut yang telah di-adakan sa-chara pukul keliling ada-lah seperti berikut:

KUMPULAN PERTAMA:

GABONGAN DAERAH IMIGRESEN DAN PERPINDAHAN. Me-

nanang 9 gol, kalah 5 gol, mata kemenangan 4. ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI: Menang 5 gol, kalah 7 gol, mata kemenangan 1. BOMBA: Menang 4 gol, kalah 6 gol, mata kemenangan 1. JOHAN dalam Kumpulan Pertama — GABONGAN DAERAH, IMIGRESEN DAN PERPINDAHAN. KUMPULAN KEDUA.

ELEKTRIK: Menang 10 gol, kalah 5 gol, mata kemenangan 3. UGAMA: Menang 5 gol, kalah 5 gol, mata kemenangan 3. PENYIARAN DAN PENERANGAN: Menang 0, kalah 5 gol, mata kemenangan 0. JOHAN dalam Kumpulan Kedua — PASOKAN ELEKTRIK. KUMPULAN KETIGA.

PELAJARAN: Menang 24 gol, kalah 1 gol, mata kemenangan 4. POS DAN TALIKOM: Menang 4 gol, kalah 9 gol, mata kemenangan 2. SETOR: Menang 2 gol, kalah 19 gol, mata kemenangan 0. JOHAN dalam Kumpulan Ketiga — PASOKAN JABATAN PELAJARAN BRUNEI. KUMPULAN KEEMPAT.

GABONGAN TUTONG: Menang 11 gol, kalah 2 gol, mata kemenangan 4. BANDARAN: Menang

6 gol, kalah 6 gol, mata kemenangan 2. JABATAN KERJA RAYA: Menang 1 gol, kalah 10 gol, mata kemenangan 0. JOHAN dalam Kumpulan Keempat — PASOKAN GABONGAN TUTONG.

Keputusan Perlawanan Bola Sepak tersebut sa-chara kalah mati ada-lah seperti berikut:

Perlawanan Sa-tengah Akhir telah di-langsungkan di-antara Pasokan Pelajaran dengan Pasokan Gabongan Tutong pada 1 Mei, 1967. Keputusannya Pasokan Pelajaran menang dengan 3 gol berbalas 2.

Satu lagi Perlawanan Sa-tengah Akhir telah di-adakan pada 5 Mei, 1967 ia-itu di-antara Pasokan Daerah, Imigresen dan Perpindahan dengan Pasokan Elektrik. Keputusannya Pasokan Gabongan Daerah, Imigresen dan Perpindahan mengalahkan Pasokan Elektrik dengan 4 gol berbalas satu.

Di-susun oleh:

MD. HUSAIN ZAINAL

Gunakan-lah Bahasa Melayu

Kenyataan kepada pelaut2

BANDAR BRUNEI.— Pelaut2 ada-lah di-beri amaran bahawa latehan menembak akan di-jalankan di-Padang Tembak Perkhemahan Berakas pada hari Selasa 23 Mei, 1967 di-antara jam 9 pagi dan 12 tengah hari waktu tem-

patan.

Kedudukan Padang Tembak itu ada-lah seperti yang di-terangkan dalam Kenyataan kepada pelaut2 pada 1 Januari, 1967. Demikian menurut Pengarah Laut Brunei, Awang Jack Turner.



Pasokan Gabongan Pejabat Daerah, Imigresen dan Perpindahan telah berjaya menjadi Johan dalam Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat Kerajaan di-Daerah Brunei, Muara dan Tutong Bahagian "B" pada tahun ini. Dalam perlawanan akhir untuk merebutkan gelaran Kejohanan itu, pasokan tersebut telah mengalahkan Pasokan Jabatan Pelajaran dengan lima gol berbalas dua di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 8 Mei, 1967. Dalam gambar ini kelihatan di-antara pemain2 Pasokan Gabongan Pejabat Daerah, Imigresen dan Perpindahan bergembira sa-lapas kejayaan pasokan itu dalam perlawanan tersebut.

Jawatan² Kosong

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap bagi jawatan Pemereksa Bangunan di-Pejabat Bandaran, Tutong.

Gaji: — Dalam sukatan gaji D.1 2 - 3 EB 4 - \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon: —

- Pemohon2 mesti-lah terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau berhak di-daftarkan sa-demikian.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Form III Inggeris dan darjah IV Melayu.
- Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang sudah berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang dari 3 tahun, dan berpengalaman dalam kerja2 Bandaran.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mei, 1967.

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi Jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam, Brunei.

Kelayakan2: Lulus Form III atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Bandaran, Kuala Belait, seperti yang tersebut di-bawah ini: —

(a) MERINYU BANDARAN.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.1 2 - 3 EB 4 — \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji Permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman: sekurang2-nya Form III Inggeris dan Darjah V Melayu dan berpengalaman dalam bidang kursus kesehatan atas pekerjaan2 Bandaran selama sekurang2-nya 5 tahun.

Sharat2 Lantekan: Chalon yang berjaya yang bukan dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pemohon yang terpilih yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau berhak di-daftarkan sa-demikian akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Mengetahui bahasa Melayu.
Umor: Di-antara 18 tahun dan 28 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$210x10 - 270x15 - 315/EXAM/330x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki

(b) PENGAWAS KECHIL:

Gaji: Dalam sukatan gaji E. 1 - 2 EB 3 - \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah dari mereka yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.-M.M. Al-Sultan, lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan Form II Inggeris dan berpengalaman sebagai Pengawas Kechil selama sekurang2-nya 7 tahun.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mei, 1967.

menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 30 Mei, 1967.

Sambutan awal tahun hijrah di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Jawatan Kuasa Tertinggi Kelas Dewasa Ugama dan Jawatan Kuasa Mesjid Muhammad Jamalul Alam Kuala Belait menganjurkan sambutan Awal Tahun Hijrah pada malam 27 April, 1967 bertempat di-Padang Besar K.B.R.C. Kuala Belait, dengan di-hadhiri oleh kira2 seribu orang.

Pensharah2 khas di-malam sambutan itu ia-lah Penguasa Penerangan dan Tabliq Negeri Brunei Awang Abdul Hamid bin Bakal dan Dayang Sharifah Dorah binte Muhammad.

Kedua2 pensharah ini mengupas intisari dan thema hijrah dan menegaskan bahawa hijrah itu mempunyai erti yang besar kepada sejarah dan umat Islam, demi untuk menyelamatkan keimanan, keperchayaan dan keselamatan Umat Islam dan Ugama Islam pada abad mula pertumbuhan dan perkembangan Islam.

Turut juga memberi ucapan pada malam itu ia-lah Pengerusi Majlis Che'gu Awg. Muhammad bin Ja'afar dan Kadhi Daerah Belait Awg. Ishak bin Adam.

Antara achara2 yang istimewa di-persembahkan dalam sambutan itu ia-lah 'Berzikir Badat', 'Berzikir Marhaban'. Kasidah dan deklamasi sajak Hijrah serta lain2 lagi. Majlis di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Khatib Awang Zainal bin Idris.

Penubohan Majlis Belia2 Daerah Tutong

KERIAM. — Satu upacara penubohan Majlis Belia2 Daerah Tutong di-bawah anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Persatuan Melayu Keriarn Tutong pada jam 8 pagi hari Juma'at 19 Mei, 1967.

Majlis itu akan berehat pada jam 9 pagi untuk menikmati jamuan ringan. Lima belas minit kemudian akan di-adakan Peraduan Bahath Peringkat Permulaan antara Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriarn Tutong, ia-itu di-antara Gerakan Pakatan Sukarela Tutong (GPPS) dengan Persatuan Angkatan Pemuda Danau (PAMDU).

Persidangan tersebut akan di-sambong sa-mula pada jam 10-15 pagi dan di-tamatkan pada kira2 jam 11-30 pagi.



Pesuruh Jaya Kebajikan Negeri Brunei Yang Mulia Awg. H. M. Salleh sedang memberi ucapan sebelum beliau merasmikan pembukaan Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada pagi 28 April, 1967.

Gerakan Memberseh Pantai Muara

Gambar2 yang di-siarkan di-muka ini di-ambil oleh Ketua Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awg. Kamaludin bin P.H.A. Bakar

pada masa di-jalankan GERAKAN MEMBERSEH PANTAI MUARA di-bawah anjoran Kelab Rotary Bandar Brunei de-

ngan kerjasama Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei, Pengakap2, Pandu2 Puteri, ahli2 Bomba dan lain2-nya pada pagi hari Ahad 14 Mei, 1967.



GAMBAR KIRI: Di-antara orang2 yang bertugas memberseh Pantai Muara pada pagi hari Ahad yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan dua orang Pegawai2 Kelab Rotary Bandar Brunei sedang bertugas pada masa di-jalankan projek tersebut. Di-kiri ia-lah Awang Abdul Ghani bin Jamil, Pengerusi Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat K.R.B.B. dan di-sabelah beliau memakai topi ia-lah Yang Dipertua kelab itu, Awang G.V. de Freitas.



GAMBAR KANAN: Orang2 dewasa dan belia2 yang pergi ka-Pantai Muara pada pagi hari Ahad yang lalu telah berusaha dengan bersungguh-maksan melaksanakan Gerakan Memberseh Pantai Muara dengan mengumpulkan tin2 kosong dan lain2 barang sa-bagaimana kelihatan dalam gambar ini. Di-antara-nya kelihatan dalam gambar ini ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman (memakai kacha mata hitam dan berbaju puteh) dan di-sabelah beliau yang sedang tunduk memakai topi ia-lah Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.

Sokan Tahunan Sekolah2 Menengah dan Maktab2

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sokan Tahunan antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluruh Negeri Brunei kali yang kedua akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Juma'at 19 Mei, 1967 mulai jam 1-45 petang.

Rentas Desa Sekolah2 Melayu Seluruh Brunei

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Rentas Desa Peringkat Negeri antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei akan di-adakan pada hari Juma'at 26 Mei, 1967 mulai jam 3 petang berpusat di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.

Perlawanan Sokan Kejohanan Brunei

SERIA. — Perlawanan Sokan Kejohanan Seluruh Negeri Brunei di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei akan di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Seria pada hari Ahad 21 Mei, 1967 Mulai jam 1-30 petang.

Peserta2 yang berjaya dalam Perlawanan Sokan tersebut akan dipilih mewakili Negeri Brunei dalam temasha Sokan Kejohanan Borneo yang akan di-adakan di-Negeri Brunei dalam bulan Julai tahun ini.



Papan2 yang bertulis dengan perkataan "INI PANTAI KAMU. JAGA KEBERSEHAN-NYA" dan lain2 perkataan dalam Bahasa2 Melayu, Cina dan Inggeris telah di-pasang di-pohon2 kayu pada masa di-adakan Gerakan Memberseh Pantai Muara pada pagi hari Ahad yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Awang Lam So Man, sa-orang Pegawai Kelab Rotary Bandar Brunei sedang menjalankan tugas-nya.



Gambar ini di-ambil pada masa di-jalankan Gerakan Memberseh Pantai Muara pada pagi hari Ahad yang lalu. Dalam gambar ini antara-nya kelihatan beberapa orang Pegawai2 dan ahli2 Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei sedang memindahkan sa-batang kayu dari tepi pantai tersebut ka-satu tempat yang lain.

Buku Ilmu Alam Negara sangat perlu kepada kita

DARI MUKA 5

geri ini yang faham akan masa'alah ini dan dapat melaksanakan kewajipan negara maka sa-makin lekaslah tercapai kemajuan yang di-idam2 itu.

Sekarang, sesudah awang2 dan dayang2 sekalian memahami kedudukan faedah Ilmu Alam Brunei ini kepada kita seluruh-nya, sudah tentu awang2 dan dayang2 sekalian akan menyedari lagi betapa besar khidmat dan bantuan kerjasama yang telah di-berikan oleh pihak Universiti Malaya terhadap pembangunan musharakat dan negara kita. Kalau begitu, kena-lah pada tempat-nya jika saya, bagi pihak Kerajaan Brunei memberikan pujian dan ucapan sa-tinggi2 terima kasih yang terbit dari lubok hati yang suchi morni di-atas budi baik mereka itu memberi bantuan yang sangat berharga itu, yang bukan hanya mereka bekerja bersungguh2 tetapi juga mereka telah bekerja menyelidik ka-mana2 tempat jua pun di-negeri kita ini dengan tidak menghiraukan penat lelah dan merubahaya yang mungkin di-tempoh dan di-hadapi mereka.

Dari itu saya ucapkan-lah terima kasih yang saya sebutkan itu kepada mereka yang berkenaan terutama kepada Professor Hamzah Sendut, yang telah memberikan peluang yang ke-emasan ini dan kepada pensharah2 yang telah bertungkus lumus mengatorkan pekerjaan penyelidikan ini dan kepada penuntut2 yang telah menjalankan usaha yang tidak mahu kalah oleh kesuasan dan penderetaan tetapi terus bekerja dan bekerja hingga tercapai kejayaan.